

Banjir: JPAM sedia 23,817 anggota

PUTRAJAYA 4 Dis. - Seramai 23,817 anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) bersedia untuk digerakkan bagi membantu penduduk di Labuan, Sabah dan Sarawak yang dijangka menghadapi situasi banjir bermula bulan ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Sulaiman Keling berkata, seramai 750 anggota akan digerakkan serta-merta dalam tempoh tiga jam sahaja manakala bakinya yang terdiri daripada sukarelawan pula akan dipanggil membantu tugas susulan.

“Jabatan Meteorologi menjangkakan kenaikan paras hujan di semua lokasi berkenaan bakal meningkat antara 20 hingga 40 peratus melebihi purata bermula Disember ini hingga Mac tahun depan.

“Pada Januari dan Februari tahun depan pula paras hujan dijangka meningkat melebihi 40 peratus di wilayah Kudat dan Pantai Barat Sabah,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Sehubungan itu, beliau berkata, sebanyak 1,074 pusat pemindahan bagi menempatkan seramai 411,974 mangsa banjir sedang dipantau bagi tujuan persediaan.

“JPAM Sabah dan Sarawak mempunyai kemudahan logistik iaitu 46 bot, 15 lori lima tan dan 17 kenderaan pacuan empat roda yang akan digunakan untuk membantu memindahkan mangsa banjir tersebut,” katanya.